

TAHUN BARU 1982 TEPAT 11.30 MALAM

KUALA LUMPUR 16 Dis. - Semenanjung Malaysia akan menyambut tahun baru 1982 tepat pada jam 11.30 malam 31 Disember ini - tidak seperti yang diamalkan sebelumnya - bila waktu itu dipercepatkan setengah jam untuk disamakan dengan zon waktu di Sabah dan Sarawak.

Ini bermakna tepat pada waktu itu penduduk di Semenanjung dikehendaki mengubahsuaikan waktu menjadikannya tepat jam 12 malam.

Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. ^(P) Mahathir Mohamad mengumumkan di satu sidang akhbar selepas sidang mingguan kabinet hari ini bahawa kerajaan

Beliau berharap semua pihak yang terlibat dengan jadual-jadual waktu seperti Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan Keretapi Tanah Melayu (KTM) akan membuat persediaan ke arah perubahan tersebut.

Perdana Menteri berkata dengan perubahan waktu itu, jadual permulaan sekolah akan juga diubah lebih awal.

"Kanak-kanak sekolah akan terpaksa pergi ke sekolah ketika suasana masih gelap sedikit dalam penyesuaian waktu yang baru itu," katanya sambil ketawa.

Menurut beliau, perubahan yang dibuat ke atas jadual permulaan sekolah itu adalah perlu supaya semua program yang dijalankan setiap hari diselenggarakan dengan zon

oleh kerajaan melibatkan urusan mereka, maka perubahan harus juga dibuat.

"Perubahan seumpama adalah biasa dan tidak menimbulkan ba-

telah menentukan zon waktu yang seragam antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak berkuatkuasa mulai jam 11.30 malam 31 Disember.

Dengan pelaksanaan zon waktu yang seragam itu seluruh negara akan terletak dalam zon waktu GMT+8, tambahnya.

Beliau menerangkan bahawa perubahan waktu itu hanya melibatkan waktu di Semenanjung Malaysia sahaja, sementara di Sabah dan Sarawak kekal seperti biasa.

Perdana Menteri yang akan melawat Singapura esok akan mengemukakan keputusan Kerajaan Malaysia mengenai perubahan waktu itu kepada para pemimpin republik itu.

"Terpulanglah kepada pemimpin dan rakyat negara itu untuk menentukan sama ada hendak mengadakan perubahan atau tidak," katanya.

Kuasa undang-undang

(Waktu Singapura dengan Semenanjung Malaysia adalah sama dan kalau berlaku perubahan hanya dalam jarak masa beberapa minit sahaja).

"Dengan pelaksanaan waktu seragam itu rakyat Malaysia tidak akan melihat dua buah jam yang berlainan waktu di peti televisyen seperti yang ada sekarang," kata Datuk Sri Dr. Mahathir sambil ketawa.

Menurut beliau, untuk menjamin keputusan kerajaan itu mempunyai kuasa undang-undang (legal connotation) satu akta mengenainya akan dibentangkan di Parlimen untuk diluluskan.

Dewan Negara yang masih bersidang sekarang akan membahaskan terlebih dahulu akta itu Jumaat ini kerana sidang Dewan Rakyat sudah berakhir.

Dewan Rakyat pula akan mengadakan satu sidang khas Isnin ini untuk membahaskan akta tersebut.

Selapas kedua-dua dewan meluluskannya, akta tersebut akan dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mendapat perkenan Seri Paduka

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, dengan penyerlahan waktu yang seragam itu semua pekerja dalam perkhidmatan awam akan bermula bekerja pada pukul 8.00 pagi iaitu pada pukul 7.30 pagi waktu sekarang.

waktu yang baru.

Langkah ini juga diambil agar waktu kanak-kanak pergi ke sekolah dan waktu pekerja-pekerja pergi ke pejabat tidak bercanggah dan menimbulkan beberapa kesulitan termasuk menimbulkan kesesakan

lalulintas, katanya.

Mengenai persoalan kanak-kanak sekolah di luar bandar yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan seperti yang terdapat di bandar-bandar termasuk pengangkutan untuk pergi ke sekolah lebih awal, beliau menegaskan kerajaan akan mempertimbangkan akan penyesuaian akan juga dilakukan dalam aspek tersebut.

Menurutnya, beliau akan memberitahu dengan lebih lanjut mengenai perubahan waktu persekolahan ini kemudian.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau tidak akan menasihatkan sektor swasta supaya membuat penyesuaian kepada urusan-urusannya

"kerana jika pertukaran waktu itu yang dibuat

nyak masalah," tegasnya.

Kerajaan katanya, akan membuat pengumuman dengan secara meluas mengenai pertukaran waktu itu.